

# MPK perkenalkan Anugerah Tokoh Pekerja

UTUSAN MALAYSIA 19/5/17

**KUANTAN 18 Mei** - Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) buat pertama kali memperkenalkan Anugerah Tokoh Pekerja sempena sambutan Hari Pekerja 2017 sebagai mengiktiraf kakitangannya yang berkhidmat dengan cemerlang dan berkualiti.

Daripada 1,200 kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu, Pembantu Tadbir Tertinggi Bahagian Khidmat Pengurusannya, Rosni@Muhammad Harun, 59, dipilih sebagai calon yang layak untuk anugerah tersebut.

Yang Dipertua MPK, Datuk Fadzilla Salleh berkata, komitmen dan kecemerlangan yang ditunjukkan Rosni perlu dicontohi kakitangan lain bersesuaian dengan tema sambutan kali ini iaitu Pekerja Kreatif Pencetus Inovasi.

“Semoga tema ini memberi inspirasi kepada pekerja dalam melaksanakan kerja yang lebih kreatif dan berinovasi iaitu lebih mencabar dalam situasi alaf

baru berteknologi tinggi.

“Sebenarnya, dalam menghadapi beberapa kekangan seperti kewangan menjadikan kita lebih berinovasi dan kreatif dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan,” katanya selepas majlis Perasmian Hari Pekerja 2017, di sini hari ini.

Sementara itu, Rosni berkata, dia teruja apabila menerima penghargaan tersebut dan berharap ia menjadi dorongan kepada rakan setugas lain.

“Ini penghargaan terbesar buat saya sepanjang 32 tahun berkhidmat dan berharap ia menjadi pembakar semangat buat rakan-rakan.

“Saya akan bersara Julai ini. Meskipun saya beranggapan ramai individu lain lebih layak namun bersyukur dengan penganugerahan ini,” katanya yang pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebanyak enam kali.